

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 22.03.2024 MASA: 8.30am

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL
HAMID
SETIAUSAHA BANDARAYA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROJEK CARETON BERSAMA
TETRA PAK & NESTLE MILO UHT MALAYSIA BAGI
KEMPEN KUTIPAN KOTAK MINUMAN UNTUK
DIKITAR SEMULA**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**23 MAC 2024 (SABTU)
2.45 PETANG**

**WEST ENTRANCE LOBBY
SUNWAY CARNIVAL MALL
PINTU MASUK BERHADAPAN KILANG**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat llahi kerana dengan limpah perkenanNya, kita dapat berkumpul dalam **Majlis Perasmian Projek Careton Bersama Tetra Pak Dan Nestle Milo UHT Malaysia Bagi Kempen Kutipan Kotak Minuman Untuk Dikitar Semula** yang diadakan di Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang hadir pada hari ini terutamanya Ahli-Ahli Majlis; Pegawai-Pegawai Kanan; Puan Terrynz Tan, Sustainability Director, ASEAN Region, Tetra Park (M) Sdn. Bhd., Syarikat Nestle Milo UHT Malaysia; warga kerja MBSP; para pengunjung; dan para hadirin sekalian.
3. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan persekitaran kawasan pentadbiran MBSP berada dalam keadaan yang bersih dan sihat. Oleh yang demikian, pembersihan merupakan antara perkhidmatan tunjang yang diberikan oleh MBSP kepada warga Seberang Perai. Perkhidmatan

pembersihan yang diberikan oleh MBSP adalah merangkumi tiga (3) perkhidmatan iaitu:-

- i. Kerja-Kerja Pembersihan Am (KPA)
- ii. Perkhidmatan Pungutan Sampah (PPS)
- iii. Perkhidmatan Pelupusan Sisa Pepejal (PPSP)

4. Selain daripada itu, MBSP juga berusaha untuk menggalakkan kitar semula di kalangan penduduk Seberang Perai. MBSP mensasarkan agar kita dapat meningkatkan kadar kitar semula kita kepada 70% menjelang tahun 2030. Kita perlu mengambil inspirasi cara pengurusan sisa pepejal di Singapura kerana mereka antara negara paling cekap dan efisyen dalam pengurusan sisa domestik di dunia sehingga mencapai 60% kitar semula dan hanya 2% sisa domestik dibuang di tapak pelupusan. Tiada apa yang mustahil jika kita ada semangat, usaha dan kerjasama.
5. Seiring dengan penambahan populasi penduduk, peningkatan dalam pembuangan sampah harian tidak dapat disangkal lagi. *“Education and Awareness”* merupakan pendekatan yang diambil oleh MBSP bagi menyedarkan masyarakat betapa pentingnya kitar semula untuk pengurusan sampah yang lebih efisyen dan teratur. Secara tuntasnya, MBSP tidak hanya boleh melaksanakan program atau projek kitar

semula ini sendirian, tetapi apa yang diperlukan adalah kerjasama dan tanggungjawab bersama daripada semua pihak.

6. Program Projek CARETON adalah merupakan satu kempen untuk mendidik masyarakat dalam mengitar semula kotak minuman. MBSP amat gembira di atas penglibatan Syarikat Tetra Park (M) Sdn. Bhd. dan Nestle Milo UHT Malaysia, dua buah syarikat yang multinasional, yang sudi bersama-sama MBSP dalam program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) iaitu aktiviti Kempen Kutipan Kotak Minuman untuk dikitar semula.
7. Syarikat Tetra Pak dan Nestle Malaysia mengadakan pameran pendidikan berkaitan kitar semula kotak minuman dan turut menyediakan hadiah menarik bagi pengunjung-pengunjung Sunway Carnival Mall yang menyertai program pada hari ini.
8. Tetrapak dan Nestle Milo UHT Malaysia menyediakan baucer bernilai RM5.00 dan air kotak Milo UHT (200ml x 6 kotak) kepada 100 pengunjung pertama yang membawa 20 unit pek kotak minuman untuk dikitar semula. Bagi 100 pengunjung berikutnya yang membawa 20 unit pek kotak minuman untuk dikitar semula akan mendapat air kotak Milo UHT (200ml x 6 kotak).

9. Kotak untuk mengumpulkan kotak minuman disumbangkan oleh Tetrapak kepada Sunway Mall dan akan diletakkan di pasaraya ini, bertujuan bagi memudahkan orang ramai melupuskan kotak minuman yang telah dikumpulkan.

10. Diharap melalui program ini, warga Seberang Perai sentiasa berusaha secara berterusan bersama MBSP dalam merealisasikan penggunaan MBSP *Smart Consumption Model* bagi *Sustainable Development Goals 12 & 13* iaitu *Responsible Consumption & Production and Climate Action*, serta menekankan pendekatan secara holistik dalam pengurusan alam sekitar untuk mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan, "**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif**".

11. Dengan ucapan ***Bismillahirrahmanirrahim***, saya merasmikan **Program Projek Careton Bersama Tetra Pak Dan Nestle Milo UHT Malaysia Bagi Kempen Kutipan Kotak Minuman Untuk Dikitar Semula.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.